

UCAPAN KETUA MENTERI MENGENAI KEHARMONIAN ANTARA KAUM DI MELAKA PADA 16HB FEBRUARI, 1957

Encik-encik dan Tuan-tuan.

Pada malam ini saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Mr. Tee yang telah mengadakan jamuan dan telah menjemput pada malam ini orang-orang daripada bangsa China, bangsa Melayu, India dan lain-lainnya. Maka inilah yang dikehendaki perhubungan rapat antara bangsa-bangsa kerana tidak berapa lama lagi kita akan Merdeka, apa kira pun kita kena duduk antara satu dengan lain. Di dalam negeri, macam negeri kita ini bukan satu bangsa sahaja boleh duduk dalam negeri ini dengan tidak ada dengan bangsa lain. Kalau ada, maka negeri ini tentu jadi, bagaimana yang kita katakan tempat hantu beranak.

Negeri ini telah diduduki oleh berbagai bangsa sejak berapa zaman dahulu, iaitu sejak daripada pihak British datang ke sini, kita sekalian telah duduk dengan baik. Jadi sekarang ini apabila kita hendak mencapai kemerdekaan ramai orang naik bimbang, naik takut. Orang-orang Melayu takut hilang haknya, orang China dan orang India takut mendapat susah apabila negeri ini merdeka. Jadi memang ini satu perasaan yang memang akan ada tiap-tiap kali hendak ada perubahan adalah datangnya berbagai-bagai fikiran, berbagai-bagai syak wasangka. Hapuskanlah syak wasangka itu, kerana negeri ini dalam fikiran saya apabila merdeka ia akan jadi satu negeri yang selamat, negeri yang aman dan makmur dan saya tidak was-was lagi di atas keadaan negeri ini apabila merdeka.

Memang saya mimpi dan angan-angan saya yang tinggi bahawa negeri ini akan jadi satu negeri dalam Asia Timur yang tidak ada bandingannya. Maka saya angan-angan dan saya mimpi bahawa negeri ini akan jadi satu pasar yang besar di mana sahaja bangsa-bangsa yang duduk berjiran atau berdekatan dengan kita akan datang buat perniagaan yang besar asalkan masing-masing kenalah tolong bekerjasama supaya selamat negeri ini. Saya nampak jikalau kita tidak bekerjasama, jikalau kita ada syak wasangka antara

satu dengan lain maka selama-lamanya negeri ini tak boleh senang. Sekarang orang-orang Melayu yang mula-mulanya menjerit dan berkeriau kebendak kepada merdeka dan berani untuk menghadap segala-galanya, tiba-tiba apabila hendak sampai merdeka masing-masing sudah naik takut, takut itu, takut ini, takut hak Melayu hilang itu, hilang ini. Kalau kita berani untuk merdeka apa benda yang kita nak takut. Kalau takut hendak hilang itu dan ini macam mana kita berani hendak tuntutan merdeka, itu saya beritahu di mana-mana sahaja kepada bangsa saya.

Orang-orang China pula takut kalau negeri ini Kerajaan British tidak di sini barangkali orang Melayu hendak mengamuk, orang Melayu hendak itu dan ini, nak bermaharajalela dan sebagainya. Saya kata dahulu pada Kerajaan British ada di sini orang-orang Melayu dan orang-orang China telahpun duduk sama sekali. Dahulu daripada Kerajaan British ada di sini kita biasa juga senang dan biasa jumpa kaya cara masa zaman itu, Kepada orang China yang takut saya nak tanya nak takut apa. Kalau ada perubahan besar, Administration atau Pentadbiran negeri ini pun akan jalan sebagaimana yang biasa kerana kita tidak ada orang, kita kata kita minta pertolongan pegawai-pegawai British duduk sini selama kita belum sedia mengambil tempat itu supaya kita boleh biasa, boleh belajar buat kerja itu bukan kita hendak adakan perubahan dengan terkejut, tidak.

Orang-orang China yang takut Melayu nak mengamuk, nak mengamuk apa. Kalau kita hendak mengamuk apakah kita hendak askar-askar British duduk di sini lagi, apakah kita hendak askar British ditempatkan di sini kalau Melayu cadang hendak mengamuk, kalau Melayu cadang hendak bunuh bangsa lain, adakah kita hendak buat satu perjanjian dengan Kerajaan British mengadakan askar-askar British di sini. Fikirlah. Masing-masing yang keluarkan cakap yang bukan-bukan itu, bukan kerana apa, bukan kerana ada sebab, semuanya adalah kerana takut, bimbang dan tak percaya. Inilah tiga perkara yang menjadi racun yang besar kepada mana-mana negeri pun, kepada mana-mana bangsa pun. Jikalau kita berani merdeka, kita berani hadapi apa yang datang.

Raid Commission sekarang inilah satu perkara yang kita sekarang sedang menimbang. Kepada orang-orang Melayu, orang-orang China dan orang India segala-galanya saya kata usahlah takut, pihak Perikatan duduk berunding mengambil usaha untuk

memperbetulkan tentang yang nampak tidak elok kerana memang tuan-tuan mesti tahu Raid Commission ini dijemput oleh kita sekalian datang ke sini meminta tolong sediakan satu perlembagaan atau constitution yang boleh kita rasa dapat memberi kesenangan kepada orang-orang kita yang duduk di sini. Jadi mereka datang ke sini dan buat satu cadangan bagaimana yang mereka sendiri rasa yang semua orang-orang yang duduk di sini boleh suka, boleh duduk dengan baik, sama rata dan sebagainya. Tetapi kita yang ada di sini tahulah yang mana yang kita hendak perbetulkan, tentang mana di atas cadangannya yang tidak sesuai dengan kehendak kita itu. Bukan kita hendak terima dengan mentah-mentah, tidak. Janganlah takut, kita tidak lama lagi hendak merdeka, Insya Allah apabila kita merdeka kita akan berjumpa kesenangan, jumpa kemuliaan, jumpa kemakmuran sebagaimana yang bangsa kita dan orang-orang yang duduk di sini belum biasa jumpa lagi. Jikalau kita hendak merdeka bukanlah masa yang kita hendak hak kita ini lebih banyak, orang itu mahu hak yang lebih banyak. Perasaan yang demikian itu masa kita ini duduk bawah pemerintahan orang, kalau kita perintah sendiri kenalah kita timbang setakat mana orang itu dapat, setakat mana orang ini dapat, setakat mana yang kita dapat dengan timbangan yang adil. Ini bukan perkara hendak samun menyamun lagi, bukan perkara hendak merebut-rebut lagi, sekarang ini kita hendak perbetulkan sampai pada suatu masa yang semua orang yang duduk di sini boleh berasakan dirinya Malayan atau penduduk anak-anak Tanah Melayu.

Pada hari ini tak usahlah kita hendak ingat diri kita sahaja, kita tidak mahu menipu diri kita dan tidak hendak berbohong. Seperti yang kita tahu Kerajaan British memerintah dengan cara dibuatkannya kota, kota itu dibuat dengan kuat dalam masa mereka itu memerintah di negeri itu. Jikalau kita hendak meroboh atau nak meruntuh kota itu dengan sekali gus tidak sekali-kali kita boleh buat. Kita kena mengambil masa, masa itu kita kena ambil dengan mengadakan cara-cara yang membolehkan perkakas-perkakas yang boleh merobohkan atau meruntuhkan kota itu. Perkakas-perkakas itu ialah education pelajaran, kenalah semua penduduk-penduduk di sini mengadakan satu polisi pelajaran bagi semua orang tidak kira apa bahasa mereka belajar, apa bahasa mereka cakap, pun boleh beri mereka ini berasa pelajaran itu menjadikan mereka itu Malayan. Inilah yang dikehendaki sangat-sangat dan kita kehendaki pertubuhan yang boleh merapatkan

bangsa-bangsa. Dengan adanya perasaan kasih mesra di antara satu dengan lain kita boleh mengadakan pertubuhan-pertubuhan yang akan bekerja dengan kuat supaya boleh menanamkan perasaan dan semangat bahawa kita hidup dan tenggelam dengan kerana Malaya ini yang kita kehendaki dengan sungguh-sungguhnya maka dengan pertolongan Tuan-tuan daripada orang-orang segala bangsa, Insha Allah, kita akan dapat perasaan itu. Maka inilah saya berdoa siang dan malam minta Tuan-tuan bekerja dengan sungguh-sungguh hati supaya perasaan itu timbul dengan cepat.

Maka saya katakan tadi ini saya merasa seronok mendengar suara kawan saya yang lama Dato' Sir Cheng Loke Tan.¹ Dulu saya mendengar suaranya di dalam hospital di atas katil, katil orang sakit memanglah suara orang sakit itu suara yang lemah, suara susah. Malam ini saya dengar balik suara dia yang nampak cergas, kuat bagaimana Dato' Sir Cheng Loke dulu itu yang bekerja dengan saya pergi sana dan ke sini beryarah, berseru kepada orang-orang supaya menolong pihak Perikatan. Pendeknya saya haraplah Dato' Sir Cheng Loke Tan ini sihat selama-lamanya dan kalau dia tak boleh buat kerja dengan cergas kuat pun kita kehendak dia ada di dalam majlis kita. Dengan adanya dia dalam majlis kita adalah perasaan orang tua di sini dengan kita. Orang tua kalau dia bercakap dia nasihat sepatah dua jadi untung yang baik kepada kita semua. Kepada Tuan-tuan sekalian saya berterima kasih banyak-banyak. Kepada Mr. Tee yang telah mengadakan jamuan yang telah menjemput semua orang segala bangsa berhimpun di sini maka perbuatan dan tujuan yang baik serta Mr. Tee saya ucapkan berbilang-bbilang terima kasih. Maka dengan itu saya tamatkan ucapan saya dengan seruan kebangsaan kita, seruan perjuangan kita. Merdeka!

¹ Presiden Peratuan China Malaya.

CATTAN: Ucapan ini telah diedit dari teks asalnya.